

01/02/1998

Sambut baik jaminan tidak bawa pelajar pulang

KUALA LUMPUR: Jabatan Penuntut Malaysia di United Kingdom dan Eire menyambut baik jaminan kerajaan untuk tidak membawa pulang pelajar Malaysia yang kini menuntut di luar negara.

Pengarahnya, Abu Hassan Adam, berkata ini membuktikan kerajaan masih mampu membiayai pelajar yang sedang mengikuti pengajian di luar negara.

"Kedudukan ekonomi negara masih kukuh walaupun berlaku penurunan nilai ringgit berbanding pound sterling.

"Kalau dulu satu pound menyamai RM4, tetapi kini meningkat kepada RM7," katanya ketika dihubungi di rumahnya di United Kingdom, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa kerajaan tidak berhasrat membawa pulang pelajar Malaysia yang kini menuntut di luar negara, melainkan mereka mendapat tempat di kolej atau institusi pengajian tinggi tempatan.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata, proses membawa pulang pelajar akan dibuat berdasarkan kemampuan institusi pengajian tinggi awam dan swasta memenuhi permintaan akademik mereka.

Abu Hassan bagaimanapun berkata, kebanyakan pelajar luar negara bersedia dibawa pulang dan melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi tempatan sekiranya diarah berbuat demikian.

Menurutnya, kesediaan itu berdasarkan perjumpaan dan pertemuan yang diadakan dari semasa ke semasa dengan persatuan, kesatuan serta pemimpin pelajar di London.

"Mereka amat prihatin dan simpati dengan kelembapan ekonomi yang berlaku di Malaysia. Mereka cukup faham keadaan rakyat dan pemimpin kita," katanya.

Beliau turut menasihatkan pelajar terbabit supaya tidak terlalu bimbang dengan kegawatan ekonomi negara kerana yang penting mereka perlu belajar dan menabur bakti kepada negara apabila tamat pengajian kelak.

Abu Hassan berkata, setakat ini 6,000 pelajar tajaan pelbagai agensi termasuk Mara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Petronas, Telekom, Tenaga Nasional Berhad dan kerajaan negeri menuntut di Eire dan United Kingdom manakala hampir 20,000 pelajar persendirian serta tidak berdaftar dengan MSD.

Sementara itu, berdasarkan statistik Mara, 2,300 pelajar akan menamatkan pelajaran tahun ini dan hanya 130 pelajar dihantar ke luar negara untuk sesi 1998. Pada masa ini ada hampir 4,200 pelajar Malaysia di luar negara.

Kajian Mara mendapati kos pembiayaan setiap pelajar luar negara meningkat 80 peratus kepada RM70,000 setahun daripada RM45,000 sebelum ini manakala pelajar tempatan hanya memerlukan RM6,000 seorang setahun.

(END)